

Perdagangan awal di antara India dan Alam Melayu

M. Rajantheran

Hubungan perdagangan di antara India dan Alam Melayu diakibatkan oleh beberapa faktor. Faktor yang paling penting ialah hubungan perdagangan India dengan empayar Yunani-Romawi (*Subramaniam 1966:235-236*). Permintaan yang tinggi bagi barangan dari India di kalangan masyarakat atasan di empayar Yunani-Romawi (*lada merupakan barang yang paling berharga - Pliny 1960:21*)¹ menyebabkan pedagang India mencari sumber baru bagi memenuhi permintaan yang besar di empayar Yunani-Romawi. Nampaknya wilayah Asia Tenggara menjadi pilihan mereka kerana pelbagai rempah-ratus yang diperlukan oleh mereka dapat diperolehi dari wilayah-wilayah ini. Penemuan manik-manik berkaca India di Indonesia, Indochina serta merata-rata tempat di Asia Tenggara membuktikan hubungan perdagangan ini wujud sejak beberapa abad sebelum masihi lagi (*Coedes 1968:12*).

Perdagangan antarabangsa ini telah membawa keuntungan besar bagi pedagang India dan Yunani-Romawi (*Subramaniam 1966:237-238*). Nampaknya pedagang India mengambil kesempatan ini untuk mencari laba besar. Oleh itu, mereka telah berperanan sebagai orang tengah.

Pedagang India mendapatkan beberapa barang berharga dari Asia Tenggara dan memasarkannya kepada pedagang dari empayar Yunani-Romawi. Emas, rempah ratus, kayu harum seperti kayu cendana dan gaharu, kapur barus dan kemenyan adalah antara barangan yang diperolehi dari Asia Tenggara (*Coedes 1968:19*). Selain itu besi dan kain sutera serta kayu harum turut di perolehi dari Tanah Melayu (*Thani Nayagam 1968:68-69*).

Dengan ini terjalinlah hubungan perdagangan yang erat di antara India and Asia Tenggara. Dalam artikel ini pengarang hanya mengemukakan bukti-bukti kesusasteraan India, catatan ahli Geografi dan Sejarah Barat, rekod-rekod Cina serta Arab. Ini memang bersesuaian dengan tujuan pengarang untuk mengkaji serta memaparkan gambaran perdagangan awal di antara India dan alam Melayu sepertimana tertera pada sumber-sumber yang tersebut di atas.

Bukti Kesusasteraan India

Terdapat beberapa cerita *Jataka* yang menggambarkan hubungan perdagangan di antara India dan *Suvarnabhumi* (*Sumatra dan Tanah Melayu*) sebagai suatu hubungan yang stabil. *Mahajanaka Jataka* (*Vol. VI 1957:222*) menerangkan kisah Mahajanaka yang mendapatkan sebahagian daripada mutiara, barang kemas dan berlian daripada simpanan ibunya dan menyatakan hasratnya untuk pergi ke *Suvarnabhumi* untuk berdagang dan memperolehi kekayaan yang besar. Mahajanaka menaiki sebuah kapal yang menuju ke *Suvarnabhumi* bersama pedagang-pedagang yang lain.

Menurut *Sussondi Jataka* (Vol.III 1957:124) pula, Sussondi ialah permaisuri kepada raja Tamba, pemerintah Banares. Sussondi diculik. Sagga diarah mencarinya. Sagga pergi ke pelabuhan Bharukacca di mana para pedagang sedang bersiap sedia untuk berlepas ke *Suvarnabhumi*. Atas permintaan Sagga para pedagang mengurangkan bayaran pelayaran untuknya lalu mulakan pelayaran ke *Suvarnabhumi*.

Perjalanan para pedagang dari Bharukacca di atas turut dibicarakan dalam *Supparaka Jataka* (Vol. IV 1957:86-90). Menurut cerita ini, Supparaka Kumara, seorang pelaut handal yang menjadi buta, diminta menjadi nakhoda sebuah kapal pedagang yang pergi ke seberang laut dari Bharukacca. Beliau berjaya melaksanakan tugasnya. Suatu lagi versi cerita ini terdapat dalam karya *Jatakamala (kalungan cerita-cerita kelahiran semula Buddha, 1972:124-126)*. Butir maklumat mengenai pelayaran adalah hampir sama seperti dalam *Supparaka Jataka*. Tambahan yang penting ialah bantuan Suparaga (Supparaka Kumara) digunakan oleh sekumpulan pedagang dari *Suvarnabhumi*.

Terdapat juga karya *Purana* yang menamakan beberapa tempat di kepulauan Melayu serta hasil keluarannya. Karya *Vayu Purana (Majumdar 1986:52)* menyenaraikan pelbagai "dvipa" (pulau ataupun semenanjung) di kepulauan Melayu dalam bab ke 48. Antaranya, enam buah "dvipa" digambarkan dalam suatu kumpulan. Ini termasuklah *Anga-dvipa, Yama-dvipa, Malaya-dvipa, Sankha-dvipa, Kusa-dvipa* dan *Varaha-dvipa*. Antaranya *Malaya-dvipa* dikenal pasti sebagai Tanah Melayu oleh R. C. Majumdar. *Malaya-dvipa* dikatakan mengeluarkan batu permata, emas dan kayu cendana. Ini menurut R. C. Majumdar, bersesuaian dengan hasil pengeluaran Tanah Melayu (hlm. 53). Tetapi Sir Roland Braddell pula berpendapat bahawa *Malaya-dvipa* ialah Sumatra (*Wheatley 1966:178*).

Rujukan mengenai alam Melayu juga terdapat dalam karya *Ramayana* ciptaan Valmiki (*Sarga 30, Sloka 30-31*). Menurut karya ini, Sugriva mengarahkan para *Vanara*² untuk mencari Sita yang diculik oleh Ravana. Seterusnya Sugriva memberikan keterangan mengenai tempat-tempat yang harus mereka pergi untuk mencari Sita. Dalam pada ini dia turut menyatakan *Yavadvipa*. *Yavadvipa*³ digambarkan sebagai merangkumi tujuh buah kerajaan yang memiliki nama pulau emas dan pulau perak, kaya dengan lombong-lombong emas (*Subramaniam 1967:2*). *Yavadvipa* bererti pulau barli dan ianya diidentifikasi dengan *Iabadios* atau *Sabadios* dalam karya Geografi Ptolemy, *Yeh-tiao* atau *Yap-div* dalam catatan Hou Han Shu dan *Yeh-p'o-ti* dalam catatan Fa Hsien (*Wheatley 1966:177*).

Arthasastra ciptaan Kautilya yang bertarikh abad ke 4 sebelum Masihi merujuk kepada *Aguru* (pokok lidah buaya) daripada *Suvarnabhumi* (*Buku II, Bab XI*). Karya *Milindapanca* menerangkan pelayaran perdagangan dengan menyatakan bahawa seseorang pemilik kapal yang kaya-raya akan berupaya belayar ke *Vanga, Takkloa, China, Sovira, Surattha, Alasanda, Kolapattana, Suvarnabhumi* atau lain-lain pelabuhan di mana kapal-kapal berkumpul.

Pattinappalai, sebuah karya puisi Tamil Klasik bertarikh abad ke 2 Masihi (*Jesudasan 1961:13-14*), merujuk kepada barang buatan dari *Kalakam* yang dipercayai sebagai nama purba bagi negeri Kedah. Karya puisi ini antara lain memberikan senarai barang-

barang yang sampai ke pelabuhan Kavirippumpattinam (dirujuk sebagai Khaberi oleh Ptolemy) di pantai timur Semenanjung India. Baris ke 191, *Pattinappalai* berbunyi:

“*Ilattu unavum kalakattu akkamum*”

Baris tersebut bermaksud, “barang makanan (bijirin) dari Sri Lanka dan barang buatan dari Kalakam”. Perkataan *akkam* pada hujung baris di atas membawa erti barang buatan manusia. Mungkin terdapat pelbagai jenis barang buatan manusia sampai ke pelabuhan Kavirippumpattinam dari *Kalakam*. Mungkin inilah sebab mengapa karya puisi tadi tidak menamakan nama barangan yang diimport itu secara khusus.

Maha-niddesa (*Majumdar 1986:58*) karya hukum agama Buddha dalam bahasa Pali yang bertarikh abad ke 3 Masihi juga mempunyai rujukan mengenai alam Melayu. Karya ini menerangkan pelbagai penderitaan yang dialami oleh para pedagang yang ghairah akan kekayaan dari perdagangan di seberang laut. Dua puluh empat tempat yang ditujui oleh para pedagang menerusi laut serta sepuluh jalan yang sukar disenaraikan dalam karya ini. Sepuluh jalan ini merupakan jalan darat (*Majumdar 1986:56*). Dua puluh empat tempat tadi ialah:

- | | |
|-----------------|-------------------|
| 1. Gumba | 13. Suvarnabhumi |
| 2. Takkola | 14. Tambapanni |
| 3. Takkasila | 15. Suppara |
| 4. Kalamukha | 16. Bharukacca |
| 5. Maranapara | 17. Surattha |
| 6. Vesunga | 18. Anganeka |
| 7. Verapatha | 19. Gangana |
| 8. Java | 20. Paramagangana |
| 9. Tamali | 21. Yona |
| 10. Vanga | 22. Paramayona |
| 11. Elavaddhana | 23. Alasanda |
| 12. Suvannakuta | 24. Marukantara. |

Sepuluh jalan yang sukar pula ialah:

- | | |
|----------------|----------------|
| a) Jannupatha | f) Vamsapatha |
| b) Ajapatha | g) Sakunapatha |
| c) Mendhapatha | h) Musikapatha |
| d) Sankupatha | i) Daripatha |
| e) Chattapatha | j) Vettadhara |

Menurut R. C. Majumdar dalam bukunya berjudul *Suvarnavdipa: Ancient Indian Colonies in the Far East* (hlm. 56), nama tempat bernombor 15-24 adalah terletak di seberang laut pantai barat India. *Suvarnabhumi* (13), *Vesunga* (6), *Verapatha* (7), dan *Takkola* adalah bersesuaian dengan nama tempat seperti *Chryse Chora*, *Besyngeitai*,

Berabai dan *Takkola* yang disebutkan sebagai pasar (pusat perdagangan) yang pertama di *Chryse Chersonesus* (iaitu *Suvarnavipa*) oleh Ptolemy. Java (8) jelas sekali Java di Indonesia. *Vanga* (10) pula diidentifikasi dengan pulau Bangka di Indonesia.

Karya asal berjudul *Brhatkatha* ciptaan Gunadhya sudan tiada tetapi cerita-cerita dari karya ini terdapat pada karya-karya berjudul *Kathasarit-sagara*, *Brhatkatha-manjari* dan *Brhatkatha-sloka-samgraha* (*Dasgupta 1962:92-97*). Karya *Brhatkatha-sloka-samgraha* ciptaan Budhasvamin (*abad ke 8-9 Masihi*) menceritakan perjalanan Sanudasa (seorang pedagang) ke *Suvarnabhumi* (*Dasgupta 1962:96*) bersama beberapa orang pengembara. Setelah sampai ke *Suvarnabhumi* dia mengikuti jalan darat untuk sampai ke tempat di mana emas diperolehi (*Wheatley 1966:174*).

Karya *Kathasarit-sagara* ciptaan Somadeva (*abad ke 11 Masihi*) juga mengandungi beberapa cerita seperti cerita Sanudasa (*Dasgupta 1962:96*). Antara yang penting ialah cerita mengenai Samudrasura yang dikatakan belayar ke *Suvarnavipa* untuk tujuan perdagangan dan akhirnya sampai ke bandar utama di *Suvarnavipa* yang bernama *Kalasapura* (*Somadeva 1867:276*). Ada kemungkinan, *Kalasapura* ini sama dengan *Kalaham* (Kedah) yang disebutkan dalam karya puisi Tamil Klasik, *Pattinappalai*.

Sebuah lagi cerita dalam karya *Kathasarit-sagara* menerangkan bahawa kapal seorang pedagang bernama Rudra, ranap di laut dalam perjalanan kembali dari *Suvarnavipa* (*Taranga 54:86*). Juga terdapat cerita mengenai seorang pedagang bernama Isvaravarma yang pergi ke *Suvarnavipa* untuk berdagang. Begitu juga dengan cerita pedagang bernama Yasahketu (*Taranga 57:72, 86:33, 62*). Selain daripada ini terdapat suatu cerita mengenai kapal puteri Gunavati yang ranap di laut berdekatan *Suvarnavipa* sewaktu dia kembali ke India dari *Kataha* (Kedah) (*Taranga 123:110*). Karya ini juga mengandungi cerita mengenai seorang Brahmin bernama Candrasvamin yang mengembara di kepulauan timur mencari anaknya yang hilang (*Wheatley 1966:180*).

Karya *Kathakosa* ciptaan Gunadhya dianggarkan tarikhnya abad ke 6 Masihi (*Dasgupta 1962:92*). Karya ini pula menyatakan bahawa raja *Suvarnavipa* menyelamatkan seorang pedagang bernama Nagadatta serta lima ratus buah kapalnya daripada masuk ke dalam lubang seperti lubang kawah yang dililit oleh seekor ular. Sumber-sumber Tibet menyatakan bahawa pada abad ke 7 Masihi, Dharmapala melawat *Suvarnavipa* dan ini diikuti dengan lawatan Dipankara Atisa pada abad ke 11 Masihi (*Dasgupta 1893:182*).

Manakala karya *Mahakarma-Vibhanga* (*hlm. 50: Majumdar 1986:39*), merujuk kepada penderitaan (*desantara-vipaka*) para pedagang yang belayar ke *Suvarnabhumi* dari *Mahakosali* dan *Tamralipti*. Karya yang sama menerangkan perjalanan seorang pedagang bernama Gavampati ke *Suvarnabhumi* (*Wheatley 1966:181*). Karya *Mahavamsa* (mengenai sejarah agama Buddha di Sri Lanka) ciptaan Mahanama (*hlm. ix*) yang bertarikh abad ke 5 Masihi (*Basham 1954:268*) menerangkan bahawa Thera Uttara dan Thera Sona pergi ke *Suvarnabhumi* untuk menjalankan kegiatan mubaligh (*Geiger 1950:86*). Karya *Perunkatai* ciptaan Konguvel bertarikh abad ke 10 Masihi pula merujuk kepada besi dari *Kataram* (*Katarattu Irumbu, I, 58:39*).

Catatan Barat

Pomponius Mela, seorang ahli sejarah zaman pemerintahan maharaja Claudius (tahun 41 - 54M) di Rom, merujuk kepada pulau emas (chryse) dalam karyanya berjudul *De Chorographia*. R. C. Majumdar menterjemahkan perkataan pulau emas (Island of Chryse) sebagai *Suvarnadvipa* (hlm. 39).

Pliny juga turut menyatakan nama "pulau emas" (the island of Chryse) yang boleh disamakan dengan *Suvarnadvipa* (*Sumatra ataupun Semenanjung Tanah Melayu, Majumdar 1986:40*).

Periplus (60) juga merujuk kepada pulau emas (the Chryse island/ *Suvarnadvipa*) sewaktu memberikan keterangan mengenai pantai Coramandal di pantai timur India. Setelah menggambarkan pantai Andhra dan Orissa, pengarang *Periplus* (63) menerangkan bahawa pulau terakhir selepas Ganges ke arah timur ialah pulau emas (*Chryse*).

Ptolemy, seorang lagi ahli geografi menyebut tentang *Iabadios* atau *Sabadios* (Java) dan menerangkan bahawa ianya bererti pulau barli (*Mccrindle 1885:239*). Menurutnyanya (hlm. 196) pulau tersebut adalah terlalu subur dan mengeluarkan emas. Ibu kotanya dikatakan bernama *Argyre* (bandar Perak). Perlu diambil perhatian bahawa Java tidak mengeluarkan emas tetapi ianya selalu dirujuk dalam kesusasteraan dan inskripsi sebagai pemilik lombong-lombong emas. Contohnya inskripsi Cangal (tahun 732) merujuk kepada Java sebagai pengeluar emas (*Nilakanta Sastri 1949:12*). Mungkin rempah-ratus yang amat berharga dirujuk sebagai emas lalu Java dikatakan sebagai pengeluar emas. Ptolemy juga menyatakan bahawa *Golden Khersonese* terletak jauh dari muara sungai Ganges (*Mccrindle 1885:197*). Beliau turut menggunakan nama "Chryse Chora" yang boleh diterjemahan sebagai *Suvarnabhumi* (*Majumdar 1986:40*).

Catatan Arab

Selain daripada sumber-sumber India dan Barat, terdapat juga catatan-catatan Arab dan China yang amat berharga mengenai kegiatan perdagangan atau pengembaraan orang India yang melibatkan Alam Melayu. Antaranya yang terpenting ialah seperti berikut. Menurut penulis Arab bernama Masudi (tahun 943 Masihi), "pulau *Sribusa* terletak di empayar Maharaja. Raja ini juga memiliki pulau *Zabag* dan *Rammi*. Kekuasaan raja ini berleluasa sehingga lautan Campa" (*Nilakanta Sastri 1949:49*). Penulis yang sama memberikan butir maklumat berikut pada tahun 955 Masihi. Maharaja ialah raja kepada pulau *Zabag* dan lain-lain pulau di lautan China, antaranya ialah *Kalah* (Kedah) dan *Sribusa* (*Nilakanta Sastri 1949:12*). Al Beruni (tahun 1030 Masihi) menyatakan bahawa pulau-pulau di timur, di lautan Hindi, yang berdekatan dengan China dibandingkan dengan India, dipanggil *Suvarnadip* (*Suvarnadvipa* di India bererti pulau emas). Penulis Arab bernama Edirisi (tahun 1154 Masihi) pula menerangkan bahawa penduduk dari pulau-pulau *zabag* pergi ke negara *zang* (pantai timur Amerika) dengan kapal-kapal besar dan kecil untuk perdagangan, khususnya perdagangan besi. Pedagang kedua-dua negara ini mengetahui bahasa rakan perdagangan mereka. Beliau menyatakan bahawa *Sribusa* terletak di kepulauan *zabag* (*Nilakanta Sastri 1949:12*).

Penulis Arab yang berikutnya ialah Ibn Said (abad ke 13 Masihi). Beliau menerangkan bahawa pulau *Sribusa* adalah paling besar di kepulauan *Zabag*. Beliau turut menyatakan bahawa kepulauan hak Maharaja adalah tidak terkira bilangannya, emas di dapati di sana. Pemerintah pulau-pulau ini adalah antara raja yang terkaya di India dan memiliki gajah yang banyak (*Nilakanta Sastri 1949:65*). Ini merupakan antara beberapa catatan penting penulis-penulis Arab mengenai Alam Melayu.

Catatan Cina

Seterusnya pulau keemasan juga dikenali oleh orang Cina. Agama Buddha berkembang di China pada awal abad pertama Masihi. Selepas itu ramai sami Buddha dari China mula mengunjung India sebagai tanah suci dan juga untuk mempelajari serta mengumpulkan kitab-kitab suci agama Buddha (*Wheatley 1966:37*). Antaranya dua orang sami Buddha adalah penting dari segi nilai catatan mereka mengenai Alam Melayu. Fa-Hsien merupakan salah seorang daripada dua orang tersebut. Beliau sampai ke India menerusi jalan darat (menerusi Asia Tengah) pada tahun 399 Masihi. Beliau kembali ke China menerusi jalan laut pada tahun 413-414 Masihi. Beliau bertolak dari Sri Lanka menumpang kapal pedagang. Ribut yang kencang menyebabkan kapal yang dinaiki oleh Fa-Hsien terbawa ke salah sebuah pulau di kepulauan Andaman. Seterusnya kapal tersebut meneruskan perjalanan dan selepas 90 hari sampai ke *Yeh-p'o-ti* yang disamakan dengan *Yavadvipa (Ramayana)* dan *Iabadios* atau *Sabadios* (Ptolemy) iaitu Java (*Giles 1923:76-79*). Tetapi sarjana bernama A. Grimes dalam artikelnya berjudul, "The Journey of Fa-Hsien from Ceylon to Canton", menegaskan bahawa *Yeh-p'o-ti* dalam catatan Fa-Hsien adalah Borneo Utara (*JMBRAS, Vol. XLX, Pt. 1, 1947:76-92*).

I-Ching (I-tsing) merupakan seorang lagi sami Buddha dari China yang mengunjung India pada tahun 671 Masihi. *Memoir on the Eminent Monks who sought the Law in the West during the Great T'ang Dynasty* (*Wheatley 1966:41-42*) iaitu catatan-catatan yang ditinggalkan oleh I-Ching juga memberikan maklumat mengenai Alam Melayu. Menurut catatan ini, I-Ching belayar dari Canton sewaktu angin monsun timur laut bertiup dan dalam masa dua puluh hari beliau sampai ke (Shi-li) *Fo-shih* (Sri Vijaya). Selepas enam bulan beliau pergi ke *Mo-lo-yu* (Malayu = Jambi) apabila angin barat-laut meniup. Selepas dua bulan beliau pergi ke *Chieh-ch'a* (Kedah). Seterusnya sewaktu musim angin monsun timur-laut beliau bertolak ke India (*Takakusu, 1896*).

Memoir tadi juga mengandungi biografi 60 orang sami Buddha. Daripada ini sekurang-kurangnya 37 orang sami mengikuti jalan laut. I-Ching menerangkan bahaya pelayaran ini. Sebelas orang sami yang belayar dikatakan mati dalam perjalanan di Asia Tenggara. Ini termasuklah dua orang di Langkasuka dan seorang di Kedah (*Nanjio 1883:57*).

Bukti bahasa

Dari segi bahasa ada perkataan dari Asia Tenggara mendapat tempat dalam bahasa Tamil. Nama tempat di Asia Tenggara pula jelas diterbitkan daripada pengeluaran tertentu dari kawasan tertentu. Perkataan lawang dalam bahasa Melayu berbunyi sebagai

Javangam ataupun *Ilavangam* dalam bahasa Tamil. Perkataan ini dalam bahasa Melayu bermakna pokok kayu manis dan kulit buah pala. Dalam bahasa Tamil ianya juga bererti pokok kayu manis iaitu (rempah) kulit kayu manis dan bunga cengkih. Perkataan *Takkolam* dalam bahasa Tamil membawa beberapa erti seperti daun sirih, pinang, lada dan buah pelaga (*Thyagarajan 1986:42-46*). Nama *Takkolam* sebenarnya diterbitkan dari nama tempat Takkoba di Thailand dimana rempah-ratus tadi dihasilkan (*Thyagarajan 1986:43*).

Selain itu nama *Karpuradvipa* iaitu pulau atau semenanjung kapur barus (Borneo), *Yavadvipa* iaitu pulau atau semenanjung barli (Java atau mungkin juga Sumatra), *Suvarnavdipa* (Sumatra atau mungkin juga Tanah Melayu) dan *Suvarnabhumi* (Kepulauan Melayu dan Tanah Melayu) masing-masing bererti pulau atau semenanjung keemasan dan bumi emas (*Wheatley 1966:182-184*).

Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya boleh dikatakan bahawa bukti kesusasteraan India, catatan ahli-ahli Geografi dan Sejarah Barat, catatan pengembara-pengembara Cina serta catatan Arab dengan jelas sekali menunjukkan akan kewujudan suatu hubungan perdagangan yang stabil di antara India dan alam Melayu sejak awal abad Masihi lagi. Bukti-bukti yang telah dibincangkan sudan pasti akan membantu mereka yang ingin mendapatkan maklumat tambahan mengenai hubungan perdagangan awal di antara India dan alam Melayu selain bukti arkeologi dan sejarah.

Nota

1. Menurut Schoff penterjemah *Periplus*. "It was one of the most important article of commerce between India and Rome, supplying perhaps three-quarters of the total bulk of the average Westbound cargo."
Schoff menambah lagi. "In medieval Europe the trade was highly organized, the spice being handled specially by merchants called 'pepperers' and the prices quoted in Rogers *History of Agriculture and Prices in England* show that in the years just prior to the Portugese discovery of the Cape route, a pound of pepper brought two Shilings, being four day's pay for a carpenter!..."
Keadaan ini jelas menunjukkan harga serta permintaan yang amat tinggi untuk lada di Rome. Sila lihat, *The Priplus of The Erythraean Sea*. Tr. from Greek and annotated by Wilfred H. Schoff. h. 214.
2. Menurut Suniti Kumar Chatterji. *Vanara* merupakan sekumpulan manusia yang berupa seperti monyet (ape like man). Mereka ini menetap di dalam hutan dan memakan ubi-ubian, buah-buahan, ikan dan sebagainya. *Vanara* juga dipercayai telah hidup di zaman batu (a lithic age of culture) dan kini sudah pupus. H.D. Sankalia pula menyatakan bahawa kemungkinan besar *Vanara* ialah sekumpulan manusia kuno seperti *Savana* dan *Korku*. Sila lihat, CHATTERJI, S.K. *The*

Ramayana. Its character, genesis, history and exodus: A resume. Calcutta: Asoke Ray, Prajna, 1978, h. 20 dan SANKALIA, H.D. *Ramayana Myth or Reality?* New Delhi: Peoples Publishing House, 1973, h. 49.

3. Seawal tahun 1896, seorang sarjana bernama Kern cuba menempatkan lokasi *Yavadvipa* dengan mengambil kira rujukan dalam karya *Ramayana* dan beberapa teks klasik lain. Beliau membuat kesimpulan bahawa *Suvarnavipa* dan *Yavadvipa* adalah dua buah pulau yang berasingan. *Suvarnavipa* ialah Sumatra dan *Yavadvipa* ialah Java. Sumatra (atau sebahagiannya) dan Java pernah dianggap satu, mungkin kerana kedua-dua pulau itu mempunyai kaitan politik. *Yavakoti* pula ialah nama yang diberikan kepada Java timur. Tetapi para sarjana tidak sependapat dalam menempatkan lokasi *Yavadvipa*. Beberapa lokasi seperti Java, Sumatra serta Borneo dikatakan sebagai *Yavadvipa* dengan alasan masing-masing. Sila lihat NILAKANTHA SASTRI, K.A. *History of Sri Vijaya*, Madras: University of Madras, 1949, h. 12 dan WHEATLEY, P. *The Golden Khersonese* h. 179.

Bibliografi

- BRADDELL, R. 1941 "An introduction to the study of ancient times in the Malay Peninsula and Straits of Malacca", *JMBRAS*, Vol. XIX, pt. I.
- CHATTERJI, S. K. 1978. *The Ramayana. Its character, genesis, history and exodus: A resume.* Calcutta: Asoke Ray, Prajna.
- COEDES, G. 1968. *The Indianized states of South East Asia*, disusun oleh Walter F. Vella dan diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris oleh Susan Brown Cowing. Kuala Lumpur: University of Malaya press.
- DAS, S. C. (ed.). 1893. *Indian Pandits in the land of snow.* Calcutta.
- DASGUPTA, S. N. and DE, S. K. 1962. *A History of Sanskrit literature, Classical period.* Vol. I. Calcutta: University of Calcutta.
- GRIMES, A. 1941. "The Journey of Fa-Hsien from Ceylon to Canton", *JMBRAS* Vol. XIX, pt. I.
- HALL, D. G. E. 1968. *A History of South-East Asia.* London: The Macmillan Press Ltd.
- JESUDASAN, C. and JESUDASAN, H. 1961. *A History of Tamil Literature.* Calcutta: Y.M.C.A. Publishing House.

Jilid 6, 1996

Kamus Lengkap. 1986. Disunting oleh Awang Sudjai Hairul dan Yusoff Khan. Petaling Jaya: Pustaka Zaman Sd. Bhd.

KONGUVELIR. 1962. *Perunkatai* (Matalavatu kandan). Teks disertai dengan ulasan oleh P. V Comacuntaranar. Madras: The South India Saiva Siddanta Publishing Society.

MAJUMDAR, R. C. 1986. *Suvarnavipa: Ancient Indian Colonies in the Far East*. Shakti Nagar: Gian Publishing House.

McCRINDLE, J. W. 1885. *Ancient India as described by Ptolemy*. New Delhi: Today and Tomorrow's Printers and Publishers.

NANJIO, B. 1885. *Catalogue of the Chinese translations of the Buddhist Tripitaka*. No. 1131 Book V Oxford.

NILAKANTA SASTRI, K. A. 1949. *History of Sri Vijaya* (Sir William Meyer Lectures, 1946-47). Madras: University of Madras.

Pattupattu. 1931. Teks disertai dengan ulasan Naccinarkkiniyar. Cetakan U. Ve. Saminatha Aiyar. Madras.

PLINY. *Natural History*. 1958 - 1962. With an English translation in ten volumes by H. Rackham, London: William Heinemann Ltd.

SANKALIA, H. D. 1973. *Ramayana: Myth or Reality?* New Delhi: Peoples Publishing House.

SOMADEVA. 1867. *Kathasarit-Sagara*. Bombay edition.

SUBRAMANIAM, T. N. 1967. *The Pallavas of Kanchi in South-East Asia*. Madras: The Swadesamitran Press.

SUBRAMANIAM, N. 1966. *Sangam Polity. The Administration and Social Life of the Sangam Tamils*. Bombay: Asia Publishing House.

TAKAKUSU, J. 1896. *A record of the Buddhist Religion as practised in India and the Malay Archipelago (671-695 A.D.)* by I-Tsing. Oxford.

Tamil Lexicon, Vol. I 1936. Madras: Published under the authority of the University of Madras.

THANI NAVAGAM, X. S. 1966. "The Identification of Kataaram". *Proceedings of The First International Conference Seminar of Tamil Studies*. Vol. I. Kuala Lumpur: International Association of Tamil Research.

The Jataka or stories of the Buddha's former births, 6 jilid, 1957. Translated from the Pali by various hands under the editorship of E. B. Cowell. London: LuZac & Company

The Jatakamala: Garland of Birth Stories of Aryasura. 1972. Translated by J. S. Speyer. Delhi: Motilal Banarsi-dass.

The Mahavamsa or The Great Chronicle of Ceylon. 1950. Translated into English by Wilhelm Geiger. Colombo: Ceylon Government Information Department.

The Periplus of The Erythraean Sea. Travel and Trade in the Indian Ocean by a merchant of the first century. 1974. Translated from Greek and annotated by Wilfred H. Schoff. New Delhi: Oriental Books Reprint Corporation.

THYAGARAJAN, L. 1986. "Place name study of Takkolam as gleaned from inscription and literature". *Studies in South Indian Place Names*, Vol. III. Edited by S. P. Tewari, M. J. Sharma and Vengkatesan. Mysore: Geetha Book House.

WHEATLEY, P. 1961. *The Golden Khersonese. Studies in the historical Geography of the Malay Peninsula before A. D. 1500*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.